



PEMBERITAHUAN

KERTAS SIASATAN AWAM MENGENAI KAJIAN SEMULA SENARAI CAPAIAN

CYBERJAYA, 20 Ogos 2021 --- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) akan menjalankan Siasatan Awam mulai 20 Ogos 2021. Siasatan Awam mengenai kajian semula Senarai Capaian ini dijalankan menurut seksyen-seksyen 55(1), 56 dan 146 Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998. Kertas Siasatan Awam ini mengandungi pandangan awal MCMC mengenai kemudahan dan perkhidmatan yang dimasukkan, dikeluarkan atau dipinda di dalam Senarai Capaian.

Pihak MCMC mempelawa orang ramai untuk menyertai Siasatan Awam ini dengan mengemukakan ulasan bertulis mengenai soalan-soalan khusus, pandangan awal MCMC, rasional dan analisa yang digunakan di dalam Kertas Siasatan Awam.

Pihak yang mengemukakan ulasan adalah digalakkan untuk menyokong ulasan masing-masing dengan hujah dan yang mana berkenaan, ianya hendaklah disertakan dengan rujukan kepada bukti atau maklumat lain yang berkaitan.

Semua ulasan bertulis hendaklah dihantar secara bertulis dan elektronik kepada alamat dan e-mel seperti yang tertera di bawah pada atau sebelum **12:00 tengah hari, Isnin, 18 Oktober 2021.**

Kertas Siasatan Awam tersebut boleh dilayari di laman sesawang MCMC: <http://www.skmm.gov.my>.

Pengerusi
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)

MCMC HQ Tower 1
Jalan Impact, Cyber 6
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan

Tel: 603 8688 8000

Fax: +603 8688 1000

E-mel: accesslist@mcmc.gov.my

Untuk perhatian: Pn. Janakky Raju / Cik Karen Woo

www.mcmc.gov.my